



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**KERAJAAN MENGURANGKAN HARGA RUNCIT RON97 DAN DIESEL SEBANYAK
10 SEN SELITER BAGI TEMPOH 17 APRIL 2025 HINGGA 23 APRIL 2025**

Seiring dengan perubahan harga pasaran minyak dunia, Kerajaan memutuskan untuk **mengurangkan** harga runcit **RON97 sebanyak 10 sen kepada RM3.18 seliter** dan harga runcit **diesel di Semenanjung Malaysia sebanyak 10 sen kepada RM2.88 seliter bagi tempoh 17 April 2025 hingga 23 April 2025**.

Kerajaan akan terus memantau perkembangan pasaran dan menyelaraskan harga runcit RON97 dan diesel dengan mengambil kira pergerakan harga pasaran minyak dan juga menyokong kestabilan harga.

Sehubungan itu, berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism*, harga runcit produk petroleum bagi tempoh **17 April 2025 hingga 23 April 2025** adalah ditetapkan seperti berikut:

- (i) harga runcit petrol RON97 diturunkan sebanyak 10 sen kepada paras RM3.18 seliter;
- (ii) harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter;
- (iii) harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia diturunkan sebanyak 10 sen kepada paras RM2.88 seliter; dan
- (iv) harga runcit diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan kekal pada paras RM2.15 seliter.

Kerajaan akan terus mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

16 April 2025